

03/03/1998

Cuepacs, Mega Records terbitkan album sulung ResQ

KONGRES Kesatuan Pekerja & Kakitangan Perkhidmatan Awam (Cuepacs) dengan kerjasama Mega Records menerbitkan album sulung kumpulan ResQ, KeunggulanMu bagi mencari sumber kewangan penubuhkan Yayasan Pendidikan Cuepacs.

Jurucakap Mega Records, Jo Ahmad Jamad berkata, pihaknya sudah mencetak hampir 300,000 unit kaset untuk diedarkan kepada 800,000 kakitangan kerajaan dan perkhidmatan awam di seluruh negara.

Menurutnya, kakitangan kerajaan dan perkhidmatan awam juga akan digunakan sebagai ejen pemasaran dan promosi album KeunggulanMu.

"Setiap seorang diberi dua kaset untuk dijual pada harga RM13, manakala mereka sendiri diberikan kaset percuma sebagai komisen.

"Saya berpendapat, harga ditetapkan cukup murah berbanding harga pasaran semasa iaitu RM16.50 dan RM17.

"Kami menghasilkannya sebagai usaha kebajikan dan aktiviti sosial," katanya kepada Pusparia, baru-baru ini.

Kumpulan ResQ dianggotai Abdul Razak Nordin (Ajaq), Baharuddin Lat (Ding) dan Sazali Lat (Bob).

Mereka adalah ahli berdaftar Cuepacs dan pernah berkhidmat di Jabatan Kastam & Eksais Malaysia, Bank Negara serta Majlis Perbandaran Seberang Prai.

Kata Jo, meskipun album itu bertujuan kebajikan, pihaknya tetap membayar royalti pada kumpulan ResQ, penulis lirik, pencipta lagu dan individu yang terbabit dalam pembikinannya.

"Mega Records menganggap soal royalti memang penting kerana secara tidak langsung membuktikan komitmen kami terhadap penat-lelah pembikinan album KeunggulanMu," katanya.

Antara lagu dalam album ini termasuk Keharmonian Malaysia, Ragam Pekerja, Apa Dalam Tiada, Bicara Berbisa, Penawar Hati, Antara Kasih & Curiga, Orang Kita, KeunggulanMu (Dr Mahathir), Bokojo dan Gadis Melayu (rakaman semula).

(END)